

LEBIH BANYAK SOKONGAN DIPERLUKAN BAGI PME BERUSIA 40 TAHUN DAN KE ATAS

Berdasarkan tinjauan dan perbincangan dengan lebih 9,000 PME, NTUC memberi saranan berikut untuk membantu PME lebih matang di tempat kerja:



01

Hapuskan diskriminasi



02

Sediakan sokongan dan manfaat pengangguran



03

Tambah peluang pekerjaan



04

Sokong peningkatan kemahiran untuk bantu mereka maju dalam kerjaya

Saranan ini mendahului laporan lebih lengkap oleh Pasukan Bertindak PME NTUC-Snef yang akan dikongsi dalam beberapa bulan akan datang.

DAPATAN TINJAUAN

PME Matang Kelihatan Lebih Mudah Terjejas

Berbanding rakan mereka yang lebih muda, lebih ramai PME matang kurang yakin tentang peluang kerjaya dan ini dikaitkan dengan usia mereka.

	20 hingga 40 tahun	41 hingga 60 tahun
Bersetuju bahawa terdapat peluang kerjaya di pasaran untuk mereka	85%	67%
Yakin mendapat pekerjaan dengan kemahiran dan kebolehan sedia ada	74%	58%
Berpendapat mereka mudah digantikan dengan orang lain disebabkan usia	27%	63%
Berpendapat adalah sukar untuk mencari pekerjaan kerana syarikat tidak terbuka menerima pekerja lanjut usia	21%	71%

NOTA: Berdasarkan tinjauan dalam talian NTUC pada Mac 2021 dengan 1,000 PME

PME Matang Menghadapi Pelbagai Cabaran

85%

mendapati sukar mencari pekerjaan lain yang padan dengan kemahiran atau minat mereka

67%

rasa sebab utamanya adalah kerana syarikat tidak terbuka menerima pekerja berusia 40 tahun dan ke atas

49%

berpendapat bahawa ia akan mengambil masa lebih enam bulan untuk mendapatkan pekerjaan baru



24%

mengalami diskriminasi di tempat kerja apabila memohon pekerjaan

26%

mengalami diskriminasi di tempat kerja

NOTA: Berdasarkan tinjauan dalam talian NTUC pada Julai 2021 dengan 1,000 PME berusia 40 tahun dan ke atas